



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	PENGAJIAN ISLAM
KOD KURSUS	:	MPU3013
PEPERIKSAAN	:	MEI 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, Jawab **ENAM (6)** soalan dari BAHAGIAN B dan Jawab **SATU (1)** soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Jawab **SEMUA** soalan

1. Pernyataan berikut adalah **SALAH** mengenai Islam **KECUALI**
 - A. Agama di sisi Allah adalah agama Islam
 - B. Beriman kepada malaikat adalah rukun Islam yang kedua
 - C. Rukun iman yang perlu dihayati mengandungi lima perkara
 - D. Orang yang memilih agama selain Islam termasuk golongan yang dikasihi Allah

2. Patuh dan menyerah diri kepada Allah dengan penuh kerelaan tanpa paksaan. Pernyataan ini merujuk kepada pengertian _____
 - A. Muamalat
 - B. Ihsan
 - C. Iman
 - D. Akhlak

3. Perkara yang boleh membatalkan iman adalah _____
 - A. Menyembunyikan keimanan kerana bimbang nyawa terancam
 - B. Percaya Islam sama sahaja dengan agama-agama lain
 - C. Tidak mengerjakan ibadah yang difardhukan
 - D. Melakukan perbuatan yang termasuk ke dalam dosa besar

4. Apakah bab yang membincangkan tentang hak suami dan isteri dalam sesebuah keluarga?
 - A. Munakahat
 - B. Syura
 - C. Siasah
 - D. Muamalat

5. Zahidah baru kematian suami 4 bulan 10 hari. Beberapa hari kemudian Zahidah dipinang oleh Basri. Apakah hukum Zahidah berkahwin sekiranya dia bersetuju?
- A. Sunat
 - B. Harus
 - C. Makruh
 - D. Haram
6. Antara kenyataan berikut, manakah **BENAR** mengenai tanggungjawab anak kepada ibubapa?
- A. Anak-anak perempuan perlu berbuat baik kepada ibu sahaja kerana mereka lebih rapat dengan ibu
 - B. Anak-anak boleh mengucapkan perkataan 'ah' kepada ibu bapa
 - C. Anak-anak tidak perlu berdoa untuk kedua ibu bapanya kerana ibu bapa boleh berdoa untuk dirinya sendiri
 - D. Anak-anak hendaklah mengucapkan perkataan yang mulia kepada ibu bapa
7. Konsep pendidikan Islam melibatkan perbincangan mengenai:
- i. Aspek teras Islam
 - ii. Aspek yang menekankan fahaman akidah kepada Allah SWT
 - iii. Aspek hubungan ilmu teras Islam dengan realiti kehidupan
 - iv. Aspek yang menekankan fahaman syariat dan didikan akhlak
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas

8. Masyarakat adalah antara pihak yang boleh memainkan peranan dalam menjayakan sektor pendidikan negara. Antara peranan mereka adalah:
- A. Tidak memberikan bantuan kepada anggotanya yang memerlukan sokongan untuk belajar
 - B. Memberikan sokongan material dan moral kepada anggotanya yang terlibat dalam pendidikan
 - C. Menghalang anggotanya daripada melibatkan diri dalam dunia pendidikan
 - D. Menyorok segala maklumat berkaitan dengan pendidikan daripada pengetahuan anggotanya
9. Pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara perlu dilaksanakan berpandukan prinsip _____
- A. Telus
 - B. Kerjasama
 - C. Gigih
 - D. Rajin
10. Institusi _____ bertujuan memastikan manusia mematuhi segala suruhan dan larangan Allah SWT serta memastikan pelaksanaan larangan dan suruhan dalam perjalanan kehidupan manusia seharian
- A. Hisbah
 - B. Mahkamah
 - C. Syura
 - D. Masjid
11. Apakah yang dimaksudkan dengan *imamah*?
- A. Penguatkuasaan
 - B. Pemerintahan
 - C. Perundingan
 - D. Pentadbiran

12. Al-Diwan ialah buku catitan yng berasal daripada perkataan Parsi. Tujuan buku catitan ini diwujudkan adalah untuk _____
- A. Mencatatkan nama tentera, keluarga mereka dan jumlah sara hidup
 - B. Memudahkan pihak Ansar menguasai pihak Quraisy
 - C. Melangsaikan segala hutang negara
 - D. Mencatatkan nama mereka yang tidak menyertai perang
13. Berikut ialah institusi pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam:
- i. Khilafah
 - ii. Diwan
 - iii. Imamah
 - iv. Imarah
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan IV
 - D. Semua di atas
14. *Sunnah Fi'liyyah* ialah _____
- A. Segala perbuatan Nabi Muhammad SAW yang diberitakan oleh sahabat sama ada tentang ibadat atau kehidupan harian Baginda SAW
 - B. Segala perkataan atau ucapan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW yang ada hubungan dengan pembinaan hukum Islam
 - C. Persetujuan atau ketetapan baginda SAW dalam bentuk lisan terhadap sesuatu perkara yang dilakukan oleh para sahabatnya
 - D. Segala tingkah laku dan perkataan yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW

15. "Seorang lelaki yang telah berkahwin didapati bersalah kerana melakukan perbuatan zina".
Apakah hukuman yang sepatutnya dikenakan kepada lelaki tersebut menurut undang-undang Islam?
- A. Dipancung sampai mati
 - B. Rejam dengan batu sampai mati
 - C. Sebat 100 kali dan buang daerah
 - D. Sebat 100 kali
16. Di antara berikut, kesalahan _____ adalah kesalahan yang dikenakan hukuman qisas
- A. Melakukan persetubuhan haram
 - B. Membunuh dengan sengaja
 - C. Minum arak
 - D. Menceroboh
17. Antara berikut, yang manakah menggambarkan ibadah umum berlaku dalam kegiatan ekonomi?
- A. Mengerjakan haji di Tanah Suci
 - B. Menjalankan perniagaan dengan jujur
 - C. Mengerjakan sembahyang setiap waktu
 - D. Berpuasa sepanjang bulan Ramadhan
18. Apakah yang dimaksudkan dengan seni Islam?
- A. Usaha menciptakan bentuk yang menyenangkan
 - B. Aktiviti kesenian yang dilakukan oleh seorang seniman
 - C. Ciptaan bentuk yang mengandungi nilai estetika yang berpadu dengan nilai etik Islam
 - D. Ciptaan bentuk yang menghasilkan kesenangan

19. Berikut menggambarkan keperibadian yang tinggi dalam Islam, iaitu:
- A. Menghormati guru dan orang yang lebih tua
 - B. Menyombong diri
 - C. Menyimpan dendam dan marah
 - D. Menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah
20. Berikut merupakan kenyataan yang **SALAH** mengenai faktor keruntuhan akhlak
- i. Budaya punk berleluasa
 - ii. Terhakisnya sifat mau
 - iii. Pengaruh alam sekitar
 - iv. Kurang penghayatan agama
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan. Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

- a) Jelaskan pengertian jihad dari segi bahasa dan istilah
(4 markah)
- b) Sebutkan **EMPAT(4)** teknik jihad menurut Islam
(4 markah)
- c) Nyatakan **DUA(2)** keadaan yang menyebabkan hukum jihad bertukar menjadi fardhu ain
(2 markah)

Soalan 2

- a) Berikan pengertian tamadun
(2 markah)
- b) Huraikan **DUA(2)** faktor kecemerlangan Tamadun Islam
(4 markah)
- c) Sebutkan **EMPAT(4)** ciri-ciri keistimewaan Tamadun Islam
(4 markah)

Soalan 3

- a) Nyatakan **DUA(2)** peranan yang dilaksanakan secara bersama oleh suami isteri
(2 markah)
- b) Huraikan **DUA(2)** hukum perkahwinan yang telah anda pelajari
(4 markah)
- c) Jelaskan **DUA(2)** tujuan perkahwinan menurut perspektif Islam
(4 markah)

Soalan 4

- a) Jelaskan secara terperinci **TIGA(3)** adab-adab yang perlu dititikberatkan ketika belajar
(6 markah)
- b) Huraikan **DUA(2)** institusi pendidikan dan pengajian dalam sejarah Islam
(4 markah)

Soalan 5

- a) Nyatakan **DUA(2)** prinsip pemerintahan dan pentadbiran
(2 markah)
- a) Apakah yang dimaksudkan dengan sistem syura?
(2 markah)
- c) Huraikan **TIGA(3)** contoh sifat teladan dalam kepimpinan Rasulullah SAW dan Khulafa' Ar-Rashidin
(6 markah)

Soalan 6

- a) Nyatakan **TIGA(3)** ciri kesenian budaya Islam
(3 markah)
- b) Sebutkan **TIGA(3)** kriteria sukan atau permainan yang dilarang dalam Islam
(3 markah)
- c) Jelaskan **DUA(2)** batasan yang perlu dipelihara bagi mengekalkan keharusan hiburan dalam Islam
(4 markah)

Soalan 7

- a) Apakah **DUA(2)** sumber akhlak?
(2 markah)
- b) Nyatakan **EMPAT(4)** faktor keruntuhan moral
(4 markah)
- c) Jelaskan **DUA(2)** kesan keruntuhan moral ke atas keluarga
(4 markah)

BAHAGIAN C

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja

Soalan 1

Islam menitikberatkan faktor agama berbanding faktor yang lain dalam pemilihan calon isteri atau suami bagi menjamin keharmonian sesebuah rumah tangga seterusnya dapat mewujudkan keluarga yang sakinah

Huraikan **DUA(2)** kepentingan faktor agama dalam pemilihan bakal isteri atau suami dan **DUA(2)** langkah terbaik bagi mewujudkan sebuah keluarga yang sakinah.
(20 markah)

Soalan 2

Gejala sosial pada hari ini sangat membimbangkan, malah telah banyak kes-kes gejala sosial yang di paparkan di dada-dada akhbar, antaranya gejala sosial yang melibatkan kes pembuangan bayi. Setiap orang Islam wajib membendung kelakuan-kelakuan yang tidak bermoral ini.

Bincangkan **EMPAT(4)** faktor gejala pembuangan bayi ini berlaku
(20 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

